



1. PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II
JABATAN DAERAH TEMBURONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN) ATAU
B.2 (\$2,270 - \$3,760 SEBULAN)
KEKOSONGAN = 1

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) **TANGGAGAJI B.2 EB.3:**

Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang berikut atau bidang bersesuaian:

- *Business Administration / Management*
- *Public Administration*
- *Industrial / System Engineering*
- *Economics / Statistics / Mathematics / Accounting*
- *Management Science / Operations Research*
- *Computer Science / Computational Science*
- *Law*

b) **TANGGAGAJI B.2:**

- i. BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang yang bersesuaian atau sedang berkhidmat dengan kerajaan dalam tanggagaji C.3 tidak kurang dari 5 tahun dalam bidang yang sama dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- ii. Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian dalam tanggagaji C.3 tidak kurang 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II:

1. Membantu Pegawai Daerah merancang pembangunan dan pengurusan komersil di pekan Bangar dan Daerah Temburong secara amnya melalui analisa laporan-laporan yang sudah dikumpulkan.
2. Melakar strategi pelaksanaan penguatkuasaan undang-undang serta peraturan yang sedia ada, supaya sentiasa bertambah baik, berkesan dan terlaksana.
3. Menyediakan laporan hal-ehwal pemantauan lesen rampaian dan menyediakan laporan-laporan perkembangan komersil di Pekan Bangar.
4. Mendapatkan laporan hasil daripada aduan orang ramai serta pemilik premis-premis perniagaan yang berkenaan dengan hal ehwal lesen rampaian dan peraturan yang sedia ada dan menyediakan laporan berterusan dari masa ke semasa.
5. Sebagai '*Focal Point*' ataupun penyelarasan bersama jabatan-jabatan yang berkenaan untuk menjalankan operasi bersepadu memantau premis-premis perniagaan dan juga kawasan-kawasan komersil dibawah kawalan Jabatan Daerah Temburong secara berjadual.
6. Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II ini juga akan turut membantu Pegawai Daerah Temburong untuk menghadiri mesyuarat-mesyuarat yang difikirkan bersesuaian dalam bidang dan tanggungjawab serta tugas masing-masing yang mana Pegawai Daerah adalah dilantik sebagai Pengerusi / Ahli kepada lebih 30 buah lembaga dan Jawatankuasa peringkat kebangsaan dan Daerah.
7. Melaksanakan tugas-tugas yang lain yang diarahkan oleh pegawai Daerah dari semasa ke semasa.